



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

BANTUAN ORANG AWAM TERHADAP SIASATAN KEMALANGAN PESAWAT DI ELMINA, SHAH ALAM

Susulan daripada kemalangan udara pesawat N28JV yang terhempas dekat Elmina Shah Alam pada 17 Ogos 2023, siasatan teknikal berdasarkan Annex 13 – Aircraft Accident and Incident Investigation, International Civil Aviation Organisation (ICAO Annex 13) telah dimulakan oleh pasukan Biro Siasatan Kemalangan Udara (BSKU), Kementerian Pengangkutan mulai tarikh kejadian kemalangan udara tersebut. Berdasarkan ICAO Annex 13, laporan awal siasatan perlu disediakan dalam masa 30 hari dari tarikh kejadian kemalangan udara tersebut.

Tujuan utama penyiasatan dilaksanakan adalah untuk menentukan hal keadaan dan punca kemalangan dengan tujuan untuk menyelamatkan nyawa dan juga mengelakkan berlaku kemalangan yang sama di masa hadapan. Dalam hubungan ini, penyiasatan yang dilaksanakan tidak bertujuan untuk membuktikan kesalahan atau liabiliti (not to the purpose to apportion blame or liability).

Untuk membantu kerja-kerja siasatan insiden kemalangan udara tersebut, Kementerian Pengangkutan memohon bantuan orang awam atau mana-mana pihak yang mempunyai sebarang bentuk rakaman video atau gambar yang relevan untuk tampil mengemukakan bahan berkenaan kepada Biro Siasatan Kemalangan Udara (BSKU) di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui emel bsku@mot.gov.my.

Untuk pertanyaan lanjut mengenai perkara-perkara di atas, sila hubungi talian khas BSKU 03-8892 1235 (Lt Kol Juma'in bin Saadon TUDM).



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Di samping itu, Kementerian Pengangkutan juga memohon kerjasama orang awam yang berada berdekatan tempat kejadian dan menyaksikan kemalangan tersebut untuk berhubung dengan BSKU melalui e-mel ataupun talian untuk membantu siasatan kemalangan udara tersebut.

Di kesempatan ini, Kementerian Pengangkutan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada orang awam di atas kerjasama yang diberikan untuk membantu siasatan.

Pada masa yang sama, Kementerian Pengangkutan merayu kepada orang awam untuk tidak menyebarkan imej dan video mangsa yang terkorban dalam kemalangan udara tersebut. Perbuatan sedemikian akan menimbulkan kekeliruan dan spekulasi yang bukan sahaja mengganggu siasatan kemalangan udara, bahkan menyinggung perasaan keluarga waris mangsa.

-TAMAT-

Mengenai MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berasaskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media
Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Tel 1800-88-7723
Faks +603 8892 0208
E-mail aduan@mot.gov.my